



## **IKLAN BIASISWA KERAJAAN NEGERI SABAH 2023**

Kerajaan Negeri Sabah mempelawa pemohon berkelayakan untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana bagi sesi pengajian tahun 2023. Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah menaja pelajar yang telah mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan yang sedang dalam pengajian berdasarkan bidang kursus yang telah diiklankan sahaja.

Syarat utama permohonan ialah pemohon hendaklah warganegara Malaysia yang berasal dan bermastautin di Sabah dan salah seorang ibu dan bapa pemohon berasal dan dilahirkan di Sabah.

### **(A) BIDANG DAN PERINGKAT PENGAJIAN**

#### **1. Diploma di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)**

|                                 |                          |
|---------------------------------|--------------------------|
| Aktuari Sains                   | Perikanan                |
| Juru Ukur                       | Pertanian                |
| Kejuruteraan                    | Sains Tulen              |
| Kesihatan dan Perusahaan Ternak | Seni Bina (Architecture) |
| Maritim                         | Teknologi Maklumat       |
| Pengurusan Hartanah             | Ukur Bahan               |
| Perakaunan                      |                          |

#### **2. Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)**

|                                 |                          |
|---------------------------------|--------------------------|
| Aktuari Sains                   | Pengurusan Hartanah      |
| Ekonomi                         | Perakaunan               |
| Farmasi                         | Pergigian                |
| Kejuruteraan                    | Perhutanan               |
| Kesihatan dan Perusahaan Ternak | Perikanan                |
| Keusahawanan                    | Pertanian                |
| Juru Ukur                       | Perlombongan dan Geologi |

|                             |                          |
|-----------------------------|--------------------------|
| Perindustrian               | Pengurusan Ladang        |
| Pelancongan dan Hospitaliti | Renewable Energy         |
| Pendidikan - Matematik      | Sains Komputer           |
| - Bahasa Inggeris           | Seni Bina (Architecture) |
| Perubatan                   | Sains Alam Sekitar       |
| Perubatan Veterinar         | Undang-Undang            |
| Oil & Gas                   | Ukur Bahan               |

### 3. Ijazah Sarjana di Institusi Pengajian Awam (IPTA)

Bidang pengajian “**Science, Technology, Engineering, and Mathematics (STEM)** (Kerja Kursus) untuk pelajar tajaan Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah (BKNS) yang melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana secara terus sahaja (“**Direct Intake**”).

## B) KELAYAKAN PEMOHON

### 1. Had Umur

- 1.1 Bagi kursus Diploma pemohon hendaklah tidak melebihi 20 tahun.
- 1.2 Bagi kursus Sarjana Muda pemohon hendaklah tidak melebihi 25 tahun.
- 1.3 Bagi kursus Sarjana pemohon hendaklah tidak melebihi 30 tahun.

### 2. Kelayakan Akademik

#### 2.1 Kursus Diploma

- 2.1.1 **Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan memperoleh sekurang-kurangnya **5A** dalam mata pelajaran termasuk **Bahasa Melayu** dan mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang kursus yang dipohon. Lulus dengan **kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Inggeris** untuk universiti yang menggunakan **Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar**.

#### 2.2 Kursus Sarjana Muda

- 2.2.1 **Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)** dengan memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**. Kelayakan ini haruslah diperolehi dengan hanya sekali menduduki peperiksaan atau kelayakan yang setaraf.
- 2.2.2 **Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)** dengan memperoleh sekurang-kurangnya **Jayyid**.
- 2.2.3 **Lulus Diploma** dengan memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.
- 2.2.4 **Lulus Matrikulasi** dengan memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.

2.2.5 **Lulus Asasi/Foundation** dengan memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.

### 2.3 Kursus Sarjana

2.3.1 **Lulus Sarjana Muda** dengan memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.

2.3.2 Bidang pengajian “**Science, Technology, Engineering, and Mathematics**” (**STEM**) (Kerja Kursus).

2.3.3 Tawaran hanya kepada pelajar tajaan Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah (BKNS) yang melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana secara terus sahaja (“**Direct Intake**”).

2.3.4 Mod Pengajian **Sepenuh Masa**.

### 2.4 Perubatan, Pergigian dan Farmasi

2.4.1 Kursus **Perubatan, Pergigian** dan **Farmasi** perlu memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK/ CGPA 3.8** di peringkat **STPM/ Diploma/ Matrikulasi**. Tawaran Biasiswa hanya di **Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)** sahaja.

2.5 Pemohon yang sedang belajar di **Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)** perlu memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK/ CGPA 3.5 keputusan semasa** untuk meneruskan pengajian peringkat Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana.

## (C) CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah melalui sistem ‘**online**’ dengan melayari laman sesawang [www.biasiswa.sabah.gov.my](http://www.biasiswa.sabah.gov.my). Pemohon perlu mendaftar **e-mel peribadi** yang aktif.

## (D) PERHATIAN

1. Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah hanya menaja bagi **KURSUS** yang diiklankan sahaja. Keputusan adalah muktamad.
2. Permohonan yang **tidak lengkap** atau tidak memenuhi syarat seperti yang ditetapkan **TIDAK akan dipertimbangkan**.
3. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel pelajar.
4. Kursus Matrikulasi/ Asasi/ Foundation tidak ditaja.

Bahagian Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah  
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri

**“SABAH MAJU JAYA”**